



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# IMPLEMENTASI KURSUS PRA PERKAHWINAN DI KANTOR URUSAN AGAMA KECAMATAN SUMBAWA, INDONESIA DAN PEJABAT PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAERAH MUALLIM MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## MILLAH HANIFAH

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**IMPLEMENTASI KURSUS PRA PERKAHWINAN DI KANTOR URUSAN  
AGAMA KECAMATAN SUMBAWA, INDONESIA DAN PEJABAT  
PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAERAH MUALLIM  
MALAYSIA**

**MILLAH HANIFAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (v)  
Kertas Projek  
Sarjana Pendidikan  
Sarjana Pendidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **9 DISEMBER 2021**

### i. Perakuan Pelajar

Saya, **MILLAH HANIFAH (M20191000997) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN**  
Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **IMPLEMENTASI KURSUS PRA PERKAHWINAN DI KANTOR URUSAN AGAMA KECAMATAN SUMBAWA, INDONESIA DAN PEJABAT PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAERAH MUALLIM MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF DR MOHD NOOR DAUD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **IMPLEMENTASI KURSUS PRA PERKAHWINAN DI KANTOR URUSAN AGAMA KECAMATAN SUMBAWA, INDONESIA DAN PEJABAT PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAERAH MUALLIM MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)**



\_\_\_\_\_  
Tarikh

Tandatangan Penyelia





## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

### BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: IMPLEMENTASI KURSUS PRA PERKAHWINAN DI KANTOR URUSAN AGAMA KECAMATAN SUMBAWA, INDONESIA DAN PEJABAT PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAERAH MUALLIM MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: M20191000997

Saya / I : MILLAH HANIFAH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

**TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan yang Maha pengasih lagi maha penyayang. Bersyukur atas nikmat dan karunia yang telah diberikan, terutamanya nikmat sihat dan kelancaran atas segala urusan. Oleh itu dengan izinnya saya dapat menyiapkan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memenuhi syarat sarjana pendidikan. Ucapan terima kasih saya ucapan kepada Prof. Madya Moch Noor Daud selaku penyelia utama dan Dr. Zanariah Binti Noor selaku peneylia kedua dalam penyelidikan ini, atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang beliau berikan dari awal sehingga menyelesaikan penyelidikan ini. Terima kasih kepada penilai selama Defence Proposal, Pra-Viva dan Viva. Ucapan terima kasih sebesar-sebesarnya juga kepada pihak LPP NTB yang sudah memberikan kepercayaan kepada sebagai penerima beasiswa Master. Serta terima kasih telah membantu dalam mewujudkan salah satu cita-cita saya. Terima kasih juga kepada orangtua saya yang selalu memberikan sokongan dan selalu mengirimkan doa untuk kelancaran segala urusan saya. Dan ucapan terima kasih kepada semua keluarga saya, rekan-rekan yang telah memberikan sokongan serta turut membantu saya sepanjang pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jasa kalian semua akan senantiasa dikenang dan semoga kebahagiaan serta kejayaan akan menjadi milik kita bersama di dunia dan akhirat.



## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji kursus pra perkahwinan dari segi undang-undang Islam serta persamaan dan perbezaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kursus pra perkahwinan menurut undang-undang Islam, untuk mengenal pasti pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa, Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim, Malaysia dan untuk menganalisis persamaan serta perbezaan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa, Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim, Malaysia. Reka bentuk kajian ini ialah kajian lapangan menggunakan pendekatan kualitatif. Data atau maklumat diperoleh melalui kaedah analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Sepuluh soalan disediakan untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan, iaitu nama kursus, hukum menghadiri kursus, peserta kursus, kurikulum kursus, penceramah, kaedah penyampaian kursus, lokasi kursus, tempoh kursus, yuran dan kemudahan kursus. Dapatkan kajian telah menunjukkan bahawa menurut hukum Islam, kursus pra perkahwinan ini disunatkan kerana mempunyai banyak manfaat dan mencegah daripada sebarang kemudaratian. Terdapat banyak perbezaan dalam pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia seperti nama kursus, hukum menghadiri kursus, peserta kursus, yuran kursus dan kemudahan untuk peserta kursus. Di samping itu, terdapat beberapa persamaan dalam pelaksanaan kursus, iaitu penceramah dan kaedah penyampaian kursus. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia mempunyai beberapa persamaan dan banyak perbezaan, tetapi yang lebih efektif adalah di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, di Malaysia adalah kewajiban untuk mengikutinya sehingga mempunyai persiapan yang lebih baik. Implikasi dari dapatkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi pengajur kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan kursus.

**Kata Kunci:** Hukum Islam, Kursus, Pra Perkahwinan, Indonesia, Malaysia.





## **IMPLEMENTATION OF PRE-MARRIAGE COURSES AT THE RELIGIOUS AFFAIRS OFFICE OF SUMBAWA, INDONESIA AND THE ISLAMIC RELIGIOUS ADMINISTRATION OFFICE IN THE MUALLIM DISTRICT, MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

This research was conducted to review the pre-marriage courses reviewed from Islamic law as well as the similarities and differences of pre-marriage courses in Indonesia and Malaysia. The purpose of this study is to identify pre-marriage courses according to Islamic law, identify implementation of pre-marriage courses at the Religious Affairs Office of Sumbawa, Indonesia and the Islamic Religious Administration Office in Muallim Regency, Malaysia the similarities and differences of pre-marriage courses at Sumbawa Indonesia Islamic Religion District Teacher Malaysia. The design of this research is a field study using a qualitative approach. Data or information obtained through document analysis methods, interviews and observations. Ten questions were asked to identify differences and similarities, namely about the name of the course, subject law, course participants, course curriculum, speakers, course delivery methods, course location, course time, course fees and facilities. The findings of this research show that according to Islamic law premarital circumcision is practiced because it has many benefits and prevents harm. The findings of this research are that there are many differences in the implementation of premarital courses in Indonesia and Malaysia such as the name of the course, the law of the course, the course participants, the course fees and the facilities for the participants. In addition, there are similarities in the implementation of courses, namely the speakers and the methods of delivery of these courses. Therefore, it can be concluded that pre-marriage courses in Indonesia and Malaysia have some similarities and many differences but the one that is more effective is Malaysia. The reason is, in Malaysia it is an obligation to follow it so as to have better preparation. The implications of the findings of this study can be used as guidelines and references for the organizers of pre-marriage courses in Indonesia and Malaysia as an improvement in the implementation of the course.

**Keyword:** Islamic law, Courses, Pre-Marriage, Indonesia, Malaysia





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
------------------------------------	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
-----------------------	----

<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
----------------------	-----



<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	xiv
-------------------------	-----

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Sorotan Literatur	6
-----------------------	---

1.3.1 Kursus Pra Perkahwinan Di Indonesia	6
---	---

1.3.2 Kursus Pra Perkahwinan Di Malaysia	9
--	---

1.3.3 Kursus Pra Perkahwinan Ditinjau Dari Berbagai Perspektif	11
--	----

1.4 Pernyataan Masalah	16
------------------------	----

1.5 Tujuan Kajian	19
-------------------	----

1.6 Objektif Kajian	19
---------------------	----

1.7 Persoalan Kajian	20
----------------------	----





1.8 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.9 Definisi Operasional	22
1.9.1 Kursus Pra Perkahwinan	22
1.9.2 Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa	23
Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah	24
1.9.3 Muallim	
1.10 Batasan Kajian	26
1.11 Kepentingan Kajian	26
1.12 Metodologi Kajian	27
1.12.1 Pendekatan Kajian	27
1.12.2 Reka Bentuk Kajian	28
1.12.3 Lokasi Kajian	29
1.12.4 Prosedur Pengumpulan Data	29
1.12.4.1 Temu Bual	29
1.12.4.2 Pemerhatian	31
1.12.4.3 Dokumentasi	34
1.12.5 Prosedur Analisis Data	35
1.12.5.1 Mengurus Data	36
1.12.5.2 Proses Memahami Data	37
1.12.5.3 Menganalisis Data	37
1.13 Rumusan	40

## BAB 2 KURSUS PRA PERKAHWINAN DAN PANDANGAN MENURUT HUKUM ISLAM

2.1 Kursus Pra Perkahwinan	42
2.1.1 Kursus	42
2.1.2 Pra Perkahwinan	46
2.1.3 Kursus Pra Perkahwinan	47





2.2 Kursus Pra Perkahwinan Menurut Hukum Syarak	50
2.2.1 Dalil Al-Qur'an	50
2.2.2 Dalil Al Maslahah Al Mursalah	57
2.2.3 Panduan dari Kaedah Fiqhiyah	67
2.2.4 Kursus Pra Perkahwinan Menurut Para Fuqaha	74
2.2.5 Kursus pra perkahwinan di Negara Lain	78
2.2.3.1 Brunei Darussalam	78
2.2.3.2 Singapura	81
2.2.3.3 Thailand	82

### **BAB 3 KURSUS PRA PERKAHWINAN DI INDONESIA DAN MALAYSIA**

3.1 Kursus Pra Perkahwinan Di Indonesia	85
3.1.1 Nama Kursus	85
3.1.2 Hukum Mengikuti Kursus	87
3.1.3 Kurikulum/Bahan Kursus	88
3.1.4 Penceramah Kursus	96
3.1.5 Kaedah Pelaksanaan Kursus	97
3.1.6 Peserta Kursus	98
3.1.7 Tempoh Masa Kursus	99
3.1.8 Tempat Kursus	102
3.1.9 Fasiliti Dan Yuran Kursus	103
3.2 Kursus Pra Perkahwinan Di Malaysia	105
3.2.1 Nama Kursus	105
3.2.2 Hukum Mengikuti Kursus Pra Perkahwinan	105
3.2.3 Kurikulum Kursus	107
3.2.4 Penceramah Kursus	112
3.2.5 Kaedah Pelaksanaan Kursus	115





3.2.6	Peserta Kursus	116
3.2.7	Tempoh Waktu Kursus	118
3.2.8	Tempat Kursus	119
3.2.9	Fasiliti Dan Yuran Kursus	120

#### **BAB 4 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN KURSUS PRA PERKAHWINAN DI INDONESIA DAN MALAYSIA**

4.1	Nama Kursus	122
4.2	Hukum Mengikuti Kursus	134
4.3	Kurikulum Kursus	144
4.4	Penceramah Kursus	176
4.5	Kaedah Pelaksanaan Kursus	180
4.6	Peserta Kursus	190
4.7	Tempoh Masa Kursus	198
4.8	Tempat Kursus	209
4.9	Fasiliti Dan Yuran Kursus	225
4.9.1	Fasiliti	225
4.9.2	Yuran	232
4.10	Kesimpulan Bab	235



#### **BAB 5 PENUTUP**

5.1	Kesimpulan	236
5.2	Cadangan	240
5.2.1	Untuk Masyarakat	240
5.2.2	Untuk Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia	241
5.2.3	Untuk Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia	242

#### **RUJUKAN**

#### **LAMPIRAN**





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Soalan Literatur	13
3.1 Kandungan Buku “Fondasi Keluarga Sakinah”	89
3.2 Kandungan Buku “Membina Keluarga Sakinah”	92
3.3 Kandungan Buku “Nasihat Perkahwinan”	93
3.4 Jumlah Kredit Bimbingan Perkahwinan Pranikah Tatap Muka	100
3.5 Jadual Bimbingan Perkahwinan Pranikah Tatap Muka	101
3.6 Kandungan Buku “Memasuki Gerbang Perkahwinan”	109
3.7 Jumlah Kredit Kursus Pra Perkahwinan di Malaysia	118





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	21
3.1 Tajuk Kursus Pra Perkahwinan di Malaysia	108
3.2 Pakaian Penceramah di Malaysia	115
4.1 Cara Berpikir Sistematis	131
4.2 Surat Penetapan Peserta Bimbingan Perkahwinan Pranikah di KUA Kecamatan Sumbawa Indonesia	191
4.3 Flyer Kursus Pra Perkahwinan di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia	192
4.4 Senarai Kehadiran Peserta Bimbingan Perkahwinan Pranikah di KUA Kecamatan Sumbawa Indonesia	197
4.5 Rundown Peserta Bimbingan Perkahwinan Pranikah di KUA Kecamatan Sumbawa Indonesia	204
4.6 Jadual Kursus Pra Perkahwinan di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia	206
4.7 Jadual Kursus Pra Perkahwinan tahun 2020 di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia	207
4.8 Komposisi Tempat Duduk Bimbingan Perkahwinan Pranikah di KUA Daerah Sumbawa Indonesia	222
4.9 Komposisi Tempat Duduk Kursus Pra Perkahwinan di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia	224
4.10 Kit Seminar	227
4.11 Papan Nama Meja Penceramah	228





## SENARAI SINGKATAN

AMLA	The Administration of Muslim Law Act
APBN	Anggaran Pendapatan Dan Belanja Negara
ASWJ	Ahli Sunnah Wal Jamaah
ATK	Alat Tulis Kantor
BIMWIN	Bimbingan Perkahwinan
BKKBN	Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional
DIPA NR	Daftar Isian Pelaksanaan Anggaran Nikar Rujuk
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri



Kec	Kecamatan
Kemenag	Kementerian Agama
KUA	Kantor Urusan Agama
MAI	Majlis Agama Islam
MBKPI	Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam
MFLALIC	Muslim Family Law and Law of Inheritance Code, 1941
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
OHP	<i>Overhead Projector</i>
PNBP NR	Penerimaan Negara Bukan Pajak Nikah Rujuk
PPT	<i>Power Point</i>
Puskesmas	Pusat Kesihatan Masyarakat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iv

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A      Dokumentasi Temu Bual**
- B      Dokumentasi Pemerhatian**
- C      Soalan Temu Bual**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan



Perkahwinan merupakan perjanjian yang kukuh (*mitsaqan ghalizhan*), pergaulan yang dibenarkan antara suami dan isteri untuk mencapai ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT dengan perilaku yang baik dan mulia dalam keluarga sebagaimana yang telah disyari'atkan dalam ajaran Islam.<sup>1</sup>

Perkahwinan bagi manusia merupakan jalan untuk memperoleh keturunan dan generasi baru dalam usaha untuk membentuk sebuah keluarga yang bahagia, sejahtera dan diredhai oleh Allah SWT. Kesedaran tentang betapa pentingnya dalam menyusun kehidupan di dalam rumah tangga sebagai usaha untuk mencipta keluarga yang harmoni dan sakinah dengan dasar *mawaddah* dan *rahmah*, maka penting bagi calon pengantin

<sup>1</sup>Mohammad Luthfi dan M. Rifa'I. (2018). Bimwin Sebagai Strategi Komunikasi Bimas Islam Kabupaten Ponorogo Dalam Mencegah Perceraian, *Dalam Jurnal Komunikasi*, Vol. XII No. 02. h.88.





untuk mempersiapkan segala-galanya dengan matang, baik secara fizikal, mental mahupun pengetahuan yang cukup.<sup>2</sup>

Kini, kursus pra perkahwinan bagi calon pengantin telah menjadi fenomena sosial di beberapa negara seperti Indonesia dan Malaysia untuk membentuk keluarga sakinah *mawaddah* dan rahmah. Kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada kursus pra perkahwinan di negara Indonesia dan negara Malaysia

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Salah satu syariat Islam adalah diperintahkan berkahwin dan mengharamkan zina.

Nikah menurut bahasa adalah *al-jumu'ah* dan *al-dhammu* yang bermakna kumpul. Makna nikah (Zawaj) boleh ditafsirkan dengan *aqdu al-tazwij* yang bermakna akad nikah. Juga boleh ditafsirkan *wath'u al zaujah* yang bermaksud menyebutuh isteri.<sup>3</sup> Seterusnya, menurut istilah syariat, nikah bererti akad antara pihak lelaki dan wali perempuan yang menyebabkan hubungan badan menjadi halal.<sup>4</sup> Perkahwinan dalam Islam lebih bersifat kontrak sivil daripada upacara ikatan keagamaan (*sacrament*) kerana ia berdasarkan tawaran (ijab) dan penerimaan (qabul) antara pihak-pihak berkenaan.<sup>5</sup> Perkahwinan merupakan seruan agama yang harus dilakukan oleh manusia

<sup>2</sup> Yusuf Firdaus. (2019). Efektivitas Bimbingan Perkahwinan Di Kua Citeureup Dalam Menjaga Keutuhan Rumah Tangga, *Dalam Journal al-Afsar*, Vol. 3, No. 1, h. 121.

<sup>3</sup> M. A. Tihami dan Sohari Sahrani, (2010). *Fikih Munakahat*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 7.

<sup>4</sup> M. Abdul Gafar, (2001). *Fikih Keluarga*, Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, h. 3.

<sup>5</sup> Nik Noriani Nik Badli Shah, (TT). *Perkahwinan dan Perceraian di Bawah Undang-Undang Islam*, (Kuala Lumpur: Aura Production), h. 1.





untuk yang sudah mampu berkeluarga. Dalam al-Quran surah An-Nur ayat 32 Allah SWT. berfirman:

**وَأَنْجِلُوا الْأَيَامِيَّ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَانِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٍ يُغْهِمُهُمُ اللَّهُ مِنْ قُضْلَهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ**  
Maksudnya:

“Dan nikahkanlah orang-orang yang masih bujang di antara kamu, dan juga orang-orang yang layak menikah daripada hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kemampuan kepada mereka dengan kurniaaNya. Dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya), lagi Maha Mengetahui.”<sup>6</sup>

Memulakan perkahwinan adalah seperti membina sebuah bangunan. Perkara yang sangat penting dari sebuah bangunan adalah tiang yang menahan bangunan tersebut. Oleh itu, tiang haruslah kuat untuk menahan daripada badai dan gempa bumi. Perkara yang sama berlaku untuk sebuah perkahwinan, sepasang suami isteri haruslah memiliki bekal untuk mengharungi samudera kehidupan mereka bersama untuk kemudian harinya agar hubungan pernikahan menjadi kuat dan tidak mudah goyah daripada berbagai ujian dan masalah dalam kehidupan berkeluarga.

Zakiyah Darajat et.al. mengemukakan bahawa terdapat lima tujuan dalam perkahwinan iaitu untuk mendapatkan dan meneruskan keturunan, memenuhi hajat manusia menyalurkan syahwatnya dan menumpahkan kasih sayang, memenuhi panggilan agama, memelihara diri dari kejahanatan dan kerosakan, menanamkan kesungguhan untuk bertanggungjawab menerima hak serta kewajiban, juga bersungguh-sungguh untuk memperoleh harta kekayaan, serta membina rumah tangga untuk membentuk masyarakat yang tenteram atas dasar cinta dan kasih sayang.<sup>7</sup> Dalam

<sup>6</sup> Surah an-Nur: 24: 35.

<sup>7</sup> Zakiyah Daradjat et.al, (1985). *Ilmu Fikih jilid 3*, Jakarta: Depag RI, h.64.



Kompilasi Hukum Islam (KHI) pasal 3 menyatakan bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk mewujudkan kehidupan rumah tangga yang sakinah, mawaddah dan rahmah.<sup>8</sup>

Tujuan perkahwinan pula tercantum dalam al-Quran surah Ar-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْقُضُونَ

Maksudnya:

“Dan di antara tanda-tanda kebesaran-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu daripada jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya, yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kebesaran Allah bagi kaum yang berfikir. (Surah Ar-Rum 21)”<sup>9</sup>

Perkara ini menjelaskan bahawa tujuan dari perkahwinan adalah terciptanya hubungan yang harmoni dan saling merasa tenteram antara suami dan isteri. Ayat ini juga menghendaki agar terjalinya hubungan yang berdasarkan kasih sayang antara

*Mawaddah warahmah* adalah anugerah Allah SWT yang diberikan kepada manusia, ketika manusia menjalankan perkahwinan.<sup>11</sup> Tujuan perkahwinan menurut Islam adalah untuk memenuhi kehendak Agama dalam rangka mendirikan keluarga yang harmoni, sejahtera dan bahagia. Harmoni dalam menggunakan hak dan kewajiban keluarga.<sup>12</sup>

<sup>8</sup> Kompilasi Hukum Islam (KHI) merupakan sebuah kumpulan dari berbagai pendirian dan pendapat hukum yang berkembang dalam dunia pemikiran Islam di Indonesia yang sudah terseleksi dengan baik. KHI dibentuk untuk menyatukan ide mengenai apa sebenarnya yang dimaksud dengan Hukum Islam di Indonesia. Kedudukan KHI di Indonesia telah diakui oleh Negara dengan adanya intruksi Presiden Nomor 1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia. Oleh itu KHI telah menjadi hukum nasional di Indonesia yang berlaku bagi umat Islam dan menjadi rujukan utama oleh Hakim agama di Pengadilan Agama untuk menyelesaikan perkara-perkara orang yang beragama Islam.

<sup>9</sup> Surah ar-Rum:30 :21.

<sup>10</sup> Anisa Rahmawati. (2018). *Efektivitas pelaksanaan bimbingan perkahwinan bagi caalon pengantin oleh Kementerian Agama Kabupaten Sleman*, Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga. h.2

<sup>11</sup> Wahyu Wibinasa, (2016). Pernikahan Dalam Islam, *Dalam Jurnal Pendidikan Agama Islam- Ta'lim* Vol.14 No.2. h.185

<sup>12</sup> Rahman Ghazaly, (2003). *Fiqhi Munakahat*. Jakarta: Fajar Interpratama Offset, h. 22



Terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan sebelum perkahwinan untuk mencapai tujuan yang telah diidamkan dalam perkahwinan. Pertama ialah melaksanakan kaedah yang sesuai dalam memilih. Dalam membincangkan kaedah memilih jodoh, pendekatan menentukan syarat-syarat atau nilai-nilai terpilih perlu diketahui oleh bakal isteri atau suami. Hal ini bertujuan untuk melakukan pemerhatian dalam mengukur kebaikan seseorang itu daripada sikapnya yang asli. Nilai-nilai yang perlu dititikberatkan adalah aspek keagamaan, budi pekertinya, kejelitaan atau ketampanannya, keayuan atau kesegakannya, stail hidup, cara menguruskan diri dan kewangan serta sikapnya dalam bergaul.<sup>13</sup>

Selanjutnya adalah khitbah yang biasa disebut dengan pertunangan atau peminangan. Meminang ialah pihak lelaki atau wakilnya datang dan meminta kepada seorang perempuan bahawa lelaki tersebut mempunyai niat untuk mengahwininya atau meminta menerusi keluarga pihak perempuan.<sup>14</sup> Pertunangan biasanya dilakukan mengikut adat resam dalam satu masyarakat. Ia boleh dianggap sebagai langkah permulaan kepada perkahwinan dan dianjurkan supaya pihak berkenaan berkenalan antara satu sama lain sebelum perkahwinan dan kemudianya perkahwinan diadakan selepas pihak-pihak tersebut telah melihat dan mempertimbangkan serta bersetuju di pihak masing-masing.<sup>15</sup>

Di era yang semakin moden ini, tidak hanya kaedah dalam memilih dan khitbah yang dilakukan sebelum melakukan perkahwinan, akan tetapi pemerintah juga

<sup>13</sup> Mahmood Zuhdi. (1993). *Kursus Pra Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*, (Malaysia: Dasar Padu). h. 17.

<sup>14</sup> Abd. Kadir. (2002). *Perkahwinan Dalam Islam*. (Kuala Lumpur: Al-Hidayah). h. 30.

<sup>15</sup> Ahmad Ibrahim. (TT). *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Malayan Law Journal), h. 18.





mengadakan kursus pra perkahwinan untuk calon pengantin. Pelaksanaan kursus pra perkahwinan sudah dijalankan di beberapa negara seperti Indonesia, Malaysia, Thailand dan lain-lain. Tujuan kursus pra perkahwinan adalah untuk mewujudkan keluarga sakinah mawaddah dan rahmah serta calon pengantin lebih bersedia dalam membina sebuah keluarga.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di dua negara iaitu Indonesia dan Malaysia.

### 1.3 Sorotan Literatur

Persoalan dan isu-isu berhubungan dengan kursus pra perkahwinan telah dibincangkan dalam kajian-kajian sebelum ini. Berikut ialah sorotan beberapa kajian terdahulu tentang kursus pra perkahwinan.

#### 1.3.1 Kursus Pra Perkahwinan Di Indonesia

Beberapa kajian berkaitan kursus pra perkahwinan telah dilaksanakan sebelum ini. Mahmudin membuat kajian tentang pelaksanaan kursus pra perkahwinan dalam membentuk sebuah keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah. Antara dapatan





kajian beliau ialah persiapan sebelum menikah perlu dilakukan kerana memerlukan mental dan material yang baik dalam mewujudkan fungsi keluarga.<sup>16</sup>

Aris, Budiman dan Zulkifli telah membincangkan keberkesanan kursus calon pengantin dalam memberi pemahaman konsep keluarga sakinhah di Kantor Urusan Agama Kecamatan Duampanua Kabupaten Pinrang. Beliau telah merumuskan bahawa pelaksanaan kursus pra perkahwinan belum berkesan kerana belum lagi sesuai dengan Peraturan Dirjen Bimas Islam Kementerian Agama No.DJ.II/491 Tahun 2009. Faktorkekangan keberkesanan kursus pra perkahwinan ialah dijalankan dalam tempoh masa yang pendek, tetapi disokong oleh faktor kelebihan iaitu peserta mempunyai semangat tinggi.<sup>17</sup>



<sup>16</sup> Mahmudin. (2016). *Implementasi Pembekalan Pranikakh Dalam Membentuk Keluarga Sakinah Mawaddah Wa Rahmah*, Dalam Jurnal Millah Vol. XV, No. 2, h. 316.

<sup>17</sup> Aris, Budiman, dan Zulkifli. (2017). *Efektivitas Kursus Calon Pengantin Dalam Memberi Pemahaman Konsep Keluarga Sakinah*. Dalam Jurnal Syari'ah dan Hukum Diktum Volume 15, Nomor 2, h. 215.

<sup>18</sup> Mohammad Luthfi dan M.Rifa'i. (2018), Bimwin Sebagai Strategi Komunikasi Bimas Islam Kabupaten Ponorogo Dalam Mencegah Perceraian, *Dalam Jurnal Komunikasi*, Vol. XII No. 02. h. 96.





Nur Rohmaniah pula membincangkan tentang kepentingan kursus pra perkahwinan iaitu untuk mencegah perceraian. Faktor kelebihan dan kekurangan pelaksanaan bimbingan perkahwinan bagi calon pengantin sebagai usaha mencegah perceraian di KUA Kecamatan Boja dan Limbang di antaranya yang menjadi faktor kelebihan ialah antusiasme peserta bimbingan perkahwinan atau calon pengantin yang tidak ragu dan malu bertanya secara langsung dengan pembimbing, pembimbing yang cukup kompeten dalam bidangnya yang menyampaikan bahan yang sesuai dengan permasalahan dan berita yang berkembang di masyarakat. Sedangkan faktor yang merencatkan pelaksanaan bimbingan perkahwinan bagi calon pengantin di antaranya ialah batasan waktu, kurang disiplin mentor dan peserta, kurangnya sosialisasi tentang peranan dan tujuan BP4 dalam masyarakat dan keadaan masyarakat yang heterogen dan tahap sosial dan ekonomi serta tahap pendidikan yang berbeza sehingga menyebabkan tahap pemahaman yang berbeza.<sup>19</sup>



Janeko membincangkan tentang kursus pra perkahwinan sebagai syarat di salah sebuah bandar di Indonesia iaitu Kota Malang dengan berpendapat bahawa Ketua Pejabat Urusan Agama dan Ulama. Beliau merumuskan pendapat Ketua Pejabat Urusan Agama dan Ulama Kota Malang terhadap kursus pra perkahwinan dijadikan sebagai syarat perkahwinan yang mempunyai tiga pendapat yang berbeza. *Pertama* sangat setuju kerana tidak semua calon pengantin memahami konsep perkahwinan. Selain itu, kandungan yang disampaikan dalam kursus pra perkahwinan menjadi sokongan dalam mencapai keluarga *sakinah mawaddah wa rahmah*. *Kedua*, setuju dengan kursus pra perkahwinan menjadi syarat perkahwinan tetapi belum masanya diterapkan kerana

<sup>19</sup> Nur Rohmaniah. (2015), *Studi Komparasi Bimbingan Perkahwinan Bagi Calon Pengantin Sebagai Upaya Mencegah Perceraian (Di Kua Kecamatan Boja Dan Limbang Kabupaten Kendal)*, Skripsi: Fakultas Dakwah dan Komunikas, Semarang: UIN Walisongo, h.113-114.





risau masyarakat beranggapan bahawa perkahwinan rumit dan enggan mendaftarkan perkahwinannya. *Ketiga*, tidak bersetuju jika kursus pra perkahwinan sebagai syarat melaksanakan perkahwinan. Hal ini dikatakan demikian kerana jika dijadikan syarat maka mestilah dipenuhi. Jika tidak, perkahwinan tidak sah sementara syarat dan rukun perkahwinan telah ditetapkan oleh para imam mazhab.<sup>20</sup>

### 1.3.2 Kursus Pra Perkahwinan Di Malaysia

Ruhil Hayati dengan tajuk “Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam; Kajian Terhadap Keberkesanannya Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan” membincangkan tentang keberkesanannya kursus pra perkahwinan di Jabatan Agama Islam

Negeri Perak. Beliau menyimpulkan bahawa para peserta kursus Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) berjaya menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam objektif Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam. Antaranya ialah menjadikan para peserta kursus berhemah tinggi, dapat membina jati diri dan optimis selaras dengan objektif modul ke arah membina rumah tangga yang bahagia.<sup>21</sup> Beliau juga telah mencadangkan agar Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam ini amat berkesan dan perlu diteruskan.<sup>22</sup>

<sup>20</sup> Janeko. (2013), *Kursus Calon Pengantin Sebagai Syarat Perkahwinan, Studi Pandangan Ketua Kantor Urusan Agama dan Ulama Kota Malang*, Tesis Pascasarjana: Sekolah Pascasarjana, UIN Maulana Malik Ibrahim. h. 120.

<sup>21</sup> Ruhil Hayati. (2011) “*Modul Kursus Praperkahwinan Islam; Kajian Terhadap Keberkesanannya Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan*”. Disertasi: Jabatan Fiqh dan Ushul, Universiti Malaya), h. 152.

<sup>22</sup> *Ibid.* h. 155.



Siti Nubailah, et.al dengan tajuk “Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia”. Beliau mencadangkan bahawa pendidikan perkahwinan sangat perlu diterapkan dalam diri pasangan suami isteri. Pendidikan perkahwinan bukan hanya setakat kursus pra perkahwinan tetapi ianya juga memberi pengertian dan pemahaman bahawa pendidikan iaitu ilmu dan kemahiran perlu ada sama ada semasa permulaan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila berlakunya ketidaksefahaman, dan sebagai persediaan awal bagi anak muda untuk perhubungan pada masa depan mereka, semua ini mempunyai potensi yang berguna sebagai sasaran melaksana dan menawarkan pendidikan perkahwinan.<sup>23</sup>

Seterusnya, Siti Murdiah, et.al dengan kajian yang bertajuk “Kursus Praperkahwinan Islam: Satu Tinjauan Awal”. Beliau mencadangkan bahawa masyarakat khususnya pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan perlulah mengambil berat tentang Kursus Pra perkahwinan dan sentiasa mendapatkan maklumat serta ilmu yang berkaitan pengurusan rumah tangga agar tuntutan keluarga muslim itu dapat dipenuhi dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam kursus pra perkahwinan Islam telah menekankan pada akhlak dan keimanan yang kukuh agar keluarga yang dibina sentiasa berada pada landasan agama yang betul serta saling bantu-membantu.<sup>24</sup>

Sharifah Nur dan Suhaili Alma'amun membuat kajian dengan tajuk “Pengurusan Kewangan Keluarga Dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim di Malaysia”.

<sup>23</sup> Siti Nubailah, Zuria Mahmud dan Salleh Amat, (2014). “Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia”. *Dalam Jurnal: Ulum Islamiyah*, Universiti Sains Islam Malaysia, Vol.12. h. 84.

<sup>24</sup> Siti Murdiah Salleh et.al. (TT) *Kursus Praperkahwinan Islam: Satu Tinjauan Awal*, Trengganu: Universiti Sultan Zainul Abidin, h. 7.

Beliau merumuskan bahawa Kursus pra perkahwinan untuk orang Islam di Malaysia adalah untuk membantu pasangan untuk menangani konflik perkahwinan. Topik pengurusan kewangan turut dimasukkan ke dalam kursus pra perkahwinan kerana masalah kewangan merupakan salah satu penyebab kepada konflik perkahwinan dan perceraian. Kajian tersebut membuktikan kandungan pengurusan kewangan memberikan kesan positif kepada responden.<sup>25</sup>

Siti Zawani telah membuat kajian tentang persepsi calon suami isteri terhadap pelaksanaan kursus pra perkawinan di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan Malaysia. Beliau merumuskan bahawa pelaksanaan kursus pra perkahwinan di pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping belum berkesan dalam membentuk asas kemahiran keibubapaan kerana kes perceraian di Perak berada pada tahap yang tinggi sehingga beliau mencadangkan bahawa penambahan masa kursus, penambahan bagi modul-modul yang disampaikan, kaedah penyampaian dalam kursus dengan lebih berkesan yang dapat menarik minat peserta.<sup>26</sup>

### 1.3.3 Kursus Pra Perkahwinan Ditinjau Dari Berbagai Perspektif

Syahid Ahmad Faishol dengan tajuk Implementasi Kursus Pranikah Sebagai Upaya Pembentukan Keluarga Harmonis Perspektif Teori Structural Fungsional. Kajian ini merupakan kajian perbandingan pada klinik keluarga sakinah pimpinan Daerah

<sup>25</sup> Sharifah Nur dan Suhaili Alma'amun. (2018). Pengurusan Kewangan Keluarga Dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim Di Malaysia. *Dalam Paper IRMIC*: Universiti Kebangsaan Malaysia. h.18.

<sup>26</sup> Siti Zawani. (2016), Persepsi Calon Suami Isteri Terhadap Pelaksanaan Kursus Pra Perkawinan Pada Kantor Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan Malaysia, *Dalam jurnal Hukum Islam*, Vol. XVI No. 1. h. 91.



Aisyiyah Kota Malang Indonesia dan Komisi Keluarga Keuskupan Malang Indonesia.<sup>27</sup>

Beliau merumuskan bahawa pelaksanaan kursus pra perkahwinan dari kedua institusi tersebut telah memenuhi 5 syarat dari segi infrastruktur, orang sumber, bahan kursus, kaedah kursus, pembiana atau yuran dan pensijilan. Maka usaha kedua institusi itu berkesan dalam membina keluarga yang harmoni dan sejahtera sesuai dengan skim Talcott Person AGIL.<sup>28</sup>

Intan Nurrachmi dan Neng Dewi Himayasari, dengan tajuk “Pro Dan Kontra Sertifikasi Pernikahan” membincangkan tentang terdapat pro dan kontra dalam program sijil kursus pra perkahwinan disebarluaskan oleh pandangan setiap ahli berbeza. Persoalan pro dan kontra ini terjadi kerana tidak ada penjelasan mengenai peraturan yang membincangkan panduan pra perkahwinan bagi calon pengantin hanya bersifat teknis, sehingga orang-orang hanya terikat dengan mekanisme pelaksanaan kursus,

bukan dengan sebahan hukum yang mengatakan bahawa pelaksanaan kursus pra perkahwinan ini wajib atau bukan bagi calon pengantin, sehingga terdapat kelonggaran hukum yang sah mengakibatkan persepsi individu yang mengabaikan program ini.<sup>29</sup>

Nuryanee Doloh dengan tajuk “Pelaksanaan Kursus Pranikah Bagi Calon Pengantin di Wilayah Yala Selatan Thailand Dan Relevansinya Dengan Kursus Pranikah Di Indonesia” merumuskan bahawa praktik kursus pra perkahwinan di Provinsi Yala Selatan Thailand diwajibkan untuk calon pengantin. Oleh kerana itu,

<sup>27</sup> Syahid Ahmad Faishol, (2019), *Implementasi Kursus Pranikah Sebagai Upaya Pembentukan Keluarga Harmonis Perspektif Teori Structural Fungsional*, (Tesis Pascasarjana: Sekolah Pascasarjana, UIN Maulana Mallik Ibrahim. h.146.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Intan Nurrachmi dan Neng Dewi Himayasari, (2020), Pro Dan Kontra Sertifikasi Pernikahan. *Dalam jurnal TAHKIM, Jurnal Peradaban dan Hukum Islam*. Vol.3 No.1, h.14.



pasangan calon pengantin yang tidak mengikuti kursus pra perkahwinan akan mendapatkan hukuman iaitu membayar denda. Kursus pra perkahwinan di Provinsi Yala yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam hampir sama dengan kursus pra perkahwinan di Indonesia yang dilaksanakan oleh Kantor Urusan Agama (KUA) dengan tujuan utama iaitu untuk membentuk keluarga *sakinah, mawaddah wa ramah*. Satu-satunya perbezaan adalah kursus pra perkahwinan di daerah Yala adalah wajib bagi pasangan pengantin, sementara di Indonesia tidak wajib.<sup>30</sup>

### Jadual 1.1

#### Soalan Literatur

No	Nama penyelidik, tajuk dan tahun	Persamaan	Perbezaan
1.	Arif, Budiman dan Zulkifli “Efektivitas Kursus Calon Pengantin Dalam Memberi Pemahaman Konsep Keluarga Sakinah” (2017)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kursus pra perkahwinan</li><li>• Kajian lapangan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kuantitatif</li><li>• Lokasi Penyelidikan</li><li>• Fokus kepada konsep keluarga sakinah</li></ul>
2.	Muhammad Luthfi dan M.Rifa’I “Bimwin Sebagai Strategi Komunikasi Bimas Islam Kabupaten Ponorogo Dalam Mencegah Perceraian” (2018)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kursus Pra Perkahwinan</li><li>• Kajian lapangan</li><li>• Kualitatif</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lokasi Penyelidikan</li><li>• Fokus kepada pencegahan perceraian</li></ul>

<sup>30</sup> Nuryanee Doloh, (2017), *Pelaksanaan Kursus Pranikah Bagi Calon Pengantin Di Wilayah Yala Selatan Thailand Dan Relevansinya Dengan Kursus Pranikah Di Indonesia*, (Skripsi: IAIN Purwokerto), h. 7.



No	Nama penyelidik, tajuk dan tahun	Persamaan	Perbezaan
3.	Nur Rohmaniah “Studi Komparasi Bimbangan Perkahwinan Bagi Calon Pengantin Sebagai Upaya Mencegah Perceraian Di KUA Kecamatan Boja Dan Limbangan Kabupaten Kendal” (2015)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Pra Perkahwinan</li> <li>• Kajian lapangan</li> <li>• Kajian perbandingan</li> <li>• Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lokasi Penyelidikan</li> <li>• Fokus kepada pencegahan perceraian</li> </ul>
4.	Janeko “kursus calon pengantin sebagai syarat perkahwinan, Studi Pandangan Kepala KUA dan Ulama Kota Malang” (2013)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Pra Perkahwinan</li> <li>• Kajian lapangan</li> <li>• Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lokasi Penyelidikan</li> <li>• Fokus kepada kursus pra perkahwinan sebagai syarat mendapat kebenaran berkahwin.</li> </ul>
5.	Ruhil Hayati “Modul kursus pra perkahwinan Islam: Kajian terhadap Keberkesanannya di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan” (2011)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Pra Perkahwinan</li> <li>• Lokasi kajian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kauntitatif</li> <li>• Fokus kepada keberkesanannya modul kursus pra perkahwinan</li> </ul>
6.	Siti Nubailah ““Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia”	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Pra Perkahwinan</li> <li>• Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fokus kepada keperluan pendidikan perkahwinan di Malaysia</li> </ul>
7.	Siti Murdiah “Kursus Praperkahwinan Islam: Satu Tinjauan Awal” (2014)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Pra Perkahwinan</li> <li>• Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian pustaka</li> <li>• Fokus kepada kursus praperkahwinan satu tinjauan awal</li> </ul>





No	Nama penyelidik, tajuk dan tahun	Persamaan	Perbezaan
8.	Sharifah Nur dan Suhaili Alma'amun "Pengurusan Kewangan Keluarga Dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim di Malaysia" (TT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus Pra Perkahwinan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuantitatif</li> <li>Fokus kepada soalan pengurusan kewangan keluarga pada kursus pra perkahwinan di Malaysia</li> </ul>
9.	Siti Zawani "Persepsi Calon Suami Isteri Terhadap Pelaksanaan Kursus Pra Perkawinan Pada Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan Malaysia" (2016)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus pra perkawinan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuantitatif</li> <li>Fokus kepada persepsi calon suami isteri terhadap kursus pra perkawinan</li> </ul>
10.	Syahid Ahmad Faishol "Implementasi Kursus Pranikah Sebagai Upaya Pembentukan Keluarga Harmonis Perspektif Teori Structural Fungsional" (2019)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus pra perkawinan</li> <li>Perbandingan</li> <li>Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komparasi kursus pra perkawinan Islam dan Non Islam</li> <li>Fokus perspektif teori struktural fungsional</li> </ul>
11.	Intan Nurrachmi dan Neng Dewi Himayasari "Pro Dan Kontra Sertifikasi Pernikahan" (2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus pra perkawinan</li> <li>Kualitatif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fokus kepada pensijilan perkawinan</li> </ul>
12.	Nuryanee Doloh "Pelaksanaan Kursus Pranikah Bagi Calon Pengantin di Wilayah Yala Selatan Thailand Dan Relevansinya Dengan Kursus Pranikah Di Indonesia" (2017)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus pra perkawinan</li> <li>Kualitatif</li> <li>Kajian lapangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fokus kepada relevansi kursus pra perkawinan di Yala Thailand dengan di Indonesia</li> </ul>





Kesimpulan daripada sorotan literatur ini ialah kajian berhubung kursus pra perkahwinan telah dilakukan oleh beberapa penyelidik. Kajian yang dilakukan di Indonesia dan Malaysia lebih fokus pada keberkesanan kursus pra perkahwinan dalam mewujudkan keluarga yang sakinah mawaddah dan rahmah namun, dalam kajian ini penyelidik membahas tentang pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, kajian khusus berhubung pelaksanaan kursus pra perkahwinan dengan kaedah perbandingan antara Indonesia dan Malaysia perlu dilakukan.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan dua permasalahan utama iaitu kursus pra perkahwinan sebagai salah satu daripada syarat mendaftar perkahwinan di Negara Indonesia dan Malaysia dan permasalahan kedua ialah pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia.

Permasalahan pertama ialah kursus pra perkahwinan sebagai salah satu syarat mendaftar perkahwinan di negara Indonesia dan Malaysia. Permohonan kebenaran berkahwin merupakan suatu perkara yang sangat penting, malah menjadi syarat pentadbiran yang perlu dilakukan oleh pasangan pengantin. Tujuannya adalah agar perkahwinan itu jelas dan menjadi bukti bahawa perkahwinan itu telah terjadi untuk pengetahuan semua pihak seperti, keluarga kedua belah pihak, orang lain, mahupun





bagi masyarakat.<sup>31</sup> Salah satu syarat permohonan kebenaran berkahwin ialah mempunyai sijil kursus pra perkahwinan.

Muhammad Lutfi menyatakan bahawa pasangan pengantin yang telah mengikuti kursus pra perkahwinan akan diberikan sijil sebagai bukti kelulusan. Sijil tersebut akan menjadi syarat untuk melengkapkan permohonan kebenaran berkahwin, iaitu pada masa pendaftaran.<sup>32</sup> Walapun begitu, dokumen sijil ini tidak wajib di Indonesia, tetapi sangat disarankan untuk memiliki, kerana dengan memiliki sijil bermaksud pasangan pengantin sudah mempunyai bekal pengetahuan tentang membina rumah tangga.<sup>33</sup> Di Malaysia pula, pasangan bagi warganegara Malaysia yang mengemukakan permohonan mereka untuk mendapatkan kebenaran berkahwin telah menghadiri kursus dan memiliki Sijil Kursus Pra Perkahwinan Modul Bersepadu



Permasalahan kedua ialah pelaksanaan kursus pra perkahwinan di negara Indonesia dan Malaysia. Di Indonesia, kursus pra perkahwinan baru dihebahkan pada tahun 2009 melalui Peraturan Dirjen Bimas Islam No. DJ.II/491 Tahun 2009 tentang Kursus Calon Pengantin yang diperbaharui dengan Peraturan Dirjen Bimas Islam No. DJ.II/542 Tahun 2013 tentang Pedoman Penyelenggaraan Kursus Pra Nikah.

<sup>31</sup> Marwin. (2014). Pencatatan Perkahwinan Dan Syarat Sah Perkahwinan Dalam Tatanan Konstitusi, *Dalam Jurnal: ASAS*, Vol.6, No.2, h. 110.

<sup>32</sup> Muhammad Lutfi Hakim. (2016). Kursus Pra-Nikah: Konsep Dan Implementasinya (Studi Komparatif Antara Bp4 Kua Kecamatan Pontianak Timur Dengan Gkkb Jemaat Pontianak), *Dalam Jurnal Al-'Adalah* Vol. XIII, No. 2, h.146.

<sup>33</sup> Badarudin (2012), *Petunjuk Teknis Penyelenggaraan Kursus Pra-Nikah: Modul Kursus Pra Nikah*, Yogyakarta: Seksyen Urusan Agama Islam, h. 12.

<sup>34</sup> Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, *Garis Panduan Bagi Prosedur Pentadbiran Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 4





Berdasarkan laporan dari Tribun News bahawa mulai tahun 2020, terdapat peraturan baru yang harus diikuti oleh seluruh masyarakat Republik Indonesia mengenai pernikahan iaitu pasangan yang hendak menikah wajib mempunyai sijil perkahwinan. Peraturan ini diisyiharkan oleh Kementerian Koordinator Bidang Pembangunan Manusia dan Kebudayaan (PMK) diperuntukkan bagi pasangan yang akan atau merancang untuk melangsungkan pernikahan pada tahun 2020.<sup>35</sup> Media online Jawa Post juga menambah bahawa program kursus pra perkahwinan itu berjalan selama tiga bulan.<sup>36</sup>

Di Malaysia telah lama menjadikan sijil kursus pra perkahwinan sebagai salah daripada syarat permohonan kebenaran untuk berkahwin. Pemohon hendaklah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan Islam yang berasaskan kepada Modul Bersepadu

Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri atau organisasi yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memiliki Sijil Kebenaran Menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan Islam daripada Jabatan Agama Islam Negeri.<sup>37</sup>

Isu berkaitan sijil kursus pra perkahwinan menjadi syarat wajib permohonan kebenaran berkahwin telah menjadi isu hangat di Indonesia namun di Malaysia telah lama mewajibkan sijil tersebut menjadi syarat permohonan kebenaran berkahwin. Hal

<sup>35</sup> Dikutip <https://www.tribunnews.com/nasional/2019/11/15/aturan-nikah-baru-calon-pengantin-harus-ikut-kelas-bimbingan-sertifikasi-pranikah-selama-3-bulan?page=2>. Pada hari Selasa, 3 Desember 2019 jam 21.00 pm

<sup>36</sup>Dikutip <https://www.jawapos.com/nasional/15/11/2019/pengin-nikah-calon-pasutri-wajib-ikut-dulu-bimbingan-3-bulan/> Pada hari Selasa, 3 Desember 2019 jam 21.15 pm

<sup>37</sup> Dikutip [http://jaipp.penang.gov.my/images/pdf/panduan\\_pengurusan\\_nikah\\_di\\_malaysia.pdf](http://jaipp.penang.gov.my/images/pdf/panduan_pengurusan_nikah_di_malaysia.pdf) Pada hari Isnin, 23 Desember 10.30 PM.



ini dikatakan demikian kerana, diharapkan kurus ini dapat dijadikan panduan bagi peserta kursus dalam menangani kehidupan berkeluarga.<sup>38</sup>

Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan, kajian ini sangat signifikan dan relevan untuk merungkai tentang kursus pra perkahwinan dengan kajian perbandingan antara Negara Indonesia dan Malaysia.

### 1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persamaan dan perbezaan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia dengan objek kajian pada dua agensi iaitu Pejabat Urusan Agama Daerah Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.

### 1.6 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti konsep kursus pra perkahwinan menurut perspektif hukum Islam.

<sup>38</sup> Dikutip <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=kursus-pra-perkahwinan-bahagian-undangundang-keluarga-jais> Pada hari Isnin, 23 Desember 2019 jam 11.00 PM.



2. Mengenal pasti pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Pejabat Urusan Agama Daerah Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.
3. Menganalisis persamaan dan perbezaan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.
4. Memberikan cadangan-cadangan untuk penambahbaikan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia.

### 1.7 Persoalan Kajian



Kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa persoalan berikut:




1. Apakah kedudukan kursus pra perkahwinan menurut hukum Islam?
2. Bagaimanakah pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia?
3. Apakah persamaan dan perbezaan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia?
4. Apakah cadangan yang dapat diberikan sebagai penambahbaikan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia.



## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

**Rajah 1.1**

*Kerangka Konseptual Kajian*



Kajian ini membincangkan tentang perbandingan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia. Secara ringkasnya, perbandingan yang



dijalankan mencakupi hukum mengikuti kursus pra perkahwinan bagi pasangan pengantin, pelaksanaan kursus pra perkahwinan yang meliputi penamaan kursus, peserta, kurikulum dan tempoh waktu kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.

Prosedur pengumpulan data yang pengkaji lakukan adalah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Pengkaji akan melakukan temu bual dengan pegawai Kantor Urusan Ugama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.

Setelah data diproses, pengkaji dapat melihat perbezaan dan persamaan pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia.



## 1.9 Definisi Operasional

### 1.9.1 Kursus Pra Perkahwinan

Kursus Pra Perkahwinan di Indonesia dikenali dengan nama kursus pra nikah. Kursus Pra Nikah adalah perkongsian ilmu pengetahuan, pemahaman, keterampilan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan remaja usia perkahwinan tentang kehidupan





rumah tangga dan keluarga.<sup>39</sup> Kursus Pra Perkahwinan di Malaysia juga dikenali sebagai pembelajaran bagi pasangan pengantin sebelum melangsungkan perkahwinan. Dapat disimpulkan bahawa kursus pra perkahwinan adalah pembelajaran ilmu pengetahuan mengenai alam perkahwinan kepada calon pengantin untuk membina sebuah keluarga *sakinah mawaddah warahmah*.

### 1.9.2 Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa

Kantor Urusan Agama Kecamatan yang disingkatkan menjadi KUA Kecamatan adalah unit pelaksana Kementerian Agama, yang berada di bawah dan bertanggungjawab kepada Direktur Jendral Bimbingan Masyarakat Islam dan secara operasinya telah dibina oleh Ketua Kantor Kementerian Agama Kabupaten/Kota.<sup>40</sup> KUA Kecamatan memiliki fungsi:

- a. Pelaksanaan pelayanan, pengawasan, pencatatan, dan pelaporan nikah dan rujuk
- b. Penyusunan statistik pelayanan dan bimbingan masyarakat Islam
- c. Pengelolaan dokumentasi dan sistem informasi pengurusan KUA Kecamatan
- d. Pelayanan bimbingan keluarga sakinah
- e. Pelayanan bimbingan masjid
- f. Pelayanan bimbingan hisab rukyat dan pembinaan syariah

<sup>39</sup> Peraturan Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Nomor: Dj.II/542 Tahun 2013 Tentang Pedoman Penyelenggaraan Kursus Pra Nikah

<sup>40</sup> Pasal 1 Ayat 1 Peraturan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 34 tahun 2016 Tentang Organisasi dan Tata Kerja Kantor Urusan Agama Kecamatan.





- g. Pelayanan bimbingan dan penerangan agama Islam
- h. Pelayanan bimbingan zakat dan wakaf
- i. Pelaksanaan ketatausahaan dan kerumahtanggaan KUA Kecamatan.

Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa terletak di Jalan Panto Daeng No.36, Kerato, Unter Iwes, Kecamatan Sumbawa, Nusa Tenggara barat.

### **1.9.3 Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim**

Pejabat Pentadbiran Agama Islam menguruskan pelbagai perkara seperti kursus pra perkahwinan, pengurusan zakat, sekolah-sekolah agama, pendaftaran perkahwinan,



Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim ialah institusi yang berada di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Perak dalam pengurusan Hal Ehwal Islam.

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim mempunyai 3 unit iaitu:<sup>41</sup>

#### **a. Unit Pelaksanaan Program Dakwah Dan Pengurusan Pendidikan Islam**

Memberi pendidikan kepada masyarakat supaya berpegang teguh kepada ajaran agama Islam melalui program-program dakwah disamping menyeru masyarakat kearah sebuah

<sup>41</sup> Dikutip pada jaipk.perak.gov.my pada tanggal 31 Januari 2020





perpaduan. Selain daripada itu JAIPK membuka ruang pendidikan formal kepada masyarakat seawal peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat ijazah.

**b. Unit Pengurusan Nikah, Cerai Dan Ruju' Serta Pembangunan Keluarga Islam**

Mengukuhkan Peranan institusi kekeluargaan islam melalui bimbingan sebelum perkahwinan dan memastikan sebuah keluarga dibina mengikut syariah. Di samping itu, masyarakat boleh senantiasa merujuk ke jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan kekeluargaan.



Memastikan segala urusan pentadbiran masjid dan surau di daerah Muallim berjalan dengan baik di samping melaksanakan program-program yang dapat memupuk kecintaan masyarakat untuk mengimarahkan masjid dan surau dan mengukuhkan perpaduan ummah.

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim terletak di Jalan Rumah Sehat, Kampung Kurnia, 35800 Slim River, Negeri Perak.





## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada kursus pra perkahwinan kepada agensi sahaja iaitu di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia. Oleh itu, untuk Kantor Urusan Agama kota yang lain dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah yang lain tidak dikaji oleh pengkaji. Kemudian, kursus pra perkahwinan yang dilaksanakan oleh pihak swasta atau diluar daripada agensi tersebut tidak menjadi perbincangan pada kajian ini. Aturan undang-undang yang dibincangkan pada kajian ini hanya terbatas pada tahun 2019, untuk tahun berikutnya tidak akan dibincangkan.



## 1.11 Kepentingan Kajian



Secara umumnya, dapatan kajian ini akan membantu dalam perkara-perkara berikut:

1. Memberi gambaran yang jelas tentang pendefinisan kursus pra perkahwinan menurut hukum Islam.
2. Memberi gambaran yang jelas tentang pelaksanaan kursus pra perkahwinan di negara Indonesia dan negara Malaysia
3. Menjadi asas dan panduan dalam melaksanakan kursus pra perkahwinan.





## 1.12 Metodologi Kajian

Di sini akan dikemukakan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini meliputi pendekatan kajian, reka bentuk kajian dan lokasi kajian. Pengkaji juga akan menjelaskan tentang tatacara pengumpulan data dan penganalisisan data.

### 1.12.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan yang sesuai dengan kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif adalah konstruktivisme yang mengandaikan bahawa kenyataan itu bersifat kepelbagaian, interaktif dan pertukaran pengalaman sosial yang digunakan oleh setiap individu.<sup>42</sup> Pendekatan kualitatif memberikan keyakinan yang jelas terhadap kesahan, keputusan dan fakta.<sup>43</sup> Penyelidikan kualitatif bertujuan untuk memahami fenomena sosial dari sudut pandang peserta.<sup>44</sup>

Kajian ini merupakan kajian perbandingan dengan memahami fenomena sosial dan melakukan pertukaran pengalaman sosial terhadap kursus pra perkahwinan untuk calon pengantin di Indonesia dan Malaysia.

<sup>42</sup> Azizi Yahaya, (2018). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 155.

<sup>43</sup> Azizi Yahaya, (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing, h. 102

<sup>44</sup> *Ibid.*





### 1.12.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian boleh didefinisikan sebagai perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan penyelidikan. Reka bentuk kajian boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu eksperimental (kajian eksperimental benar dan kajian kuasi-eksperimental) dan bukan eksperimental (kajian tinjauan, kajian lapangan, kajian kes, kajian tindakan, dan kajian sejarah).<sup>45</sup>

Reka bentuk kajian ini adalah penyelidikan kajian lapangan. Kajian lapangan meliputi semua kaedah penyelidikan yang membuat pemerhatian terhadap perkara-perkara yang wujud dalam keadaan semula jadi. Secara amnya, kajian ini berbeza daripada kajian tinjauan kerana ciri utama kajian lapangan ialah membuat pemerhatian secara langsung pada ketika perkara yang dikaji sedang berlangsung (*live*)<sup>46</sup>

Penyelidikan ini merupakan kajian lapangan kerana pengkaji memerhati kesinambungan kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim.

<sup>45</sup> Ang Kean Hua, (2016), *Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur*, Selangor: UPM Serdang, h. 53.

<sup>46</sup> Chua Yan Piaw, (2014), *Kaedah Penyelidikan*, Malaysia: McGraw-Hill, h. 171





### 1.12.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini melibatkan dua buah institusi iaitu Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa mewakili Negara Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim mewakili Negara Malaysia.

### 1.12.4 Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik akan menggunakan tiga prosedur pengumpulan data iaitu melalui temu bual, pemerhatian dan dokumentasi dalam penyelidikan ini.



#### 1.12.4.1 Temu Bual

Penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual secara terbuka dalam mengumpulkan data maklumat.<sup>47</sup> Tujuan utama kepada temu bual adalah menyoal soalan yang mampu memberikan maklum balas yang sah dan merekod segala maklum balas itu dengan jitu dan sempurna.<sup>48</sup> Dalam melaksanakan kaedah temu bual, selain daripada instrumen sebagai panduan untuk wawancara, pengkaji juga menggunakan alat bantu lain seperti *tape recorder*, gambar, brosur dan bahan lain yang dapat membantu menjalankan temu bual.<sup>49</sup>

<sup>47</sup> Othman Lebar, (2006) *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 125.

<sup>48</sup> Azizi Yahaya, op.cit, h.173

<sup>49</sup> Sugiyono, (2017). *Metode Penelitian Pendidikan (Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D)*, Bandung: Alfabetam, h. 195.



Temu bual terbahagi kepada tiga bentuk iaitu pertama temu bual tanpa struktur digunakan sebagai kaedah memungut data dalam penyelidikan kualitatif. Temu bual ini boleh juga dikenali sebagai temu bual intensif atau temu bual mendalam. Kedua, temu bual berstruktur adalah satu kaedah memungut data dalam penyelidikan kualitatif, terutama sekali penyelidikan tinjaun. Ketiga ialah temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur digunakan sebagai kaedah memungut data dalam penyelidikan kualitatif.<sup>50</sup>

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berbentuk separa struktur untuk memungut data. Pengkaji menjalankan temu bual untuk mendapatkan keterangan dan maklumat daripada pengerusi agensi bagi menambah data dan fakta yang tidak terdapat dalam mana-mana bahan bertulis atau bercetak. Pengkaji akan mengadakan temu bual dengan pengurus di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa Indonesia dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia.

Dalam kajian ini, pengkaji melakukan temu bual kepada 3 orang sumber atau *interviewer* iaitu Kepala Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa, ketua Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim dan juga penyuluhan Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa.

Temu bual dilaksanakan pada 4 Julai 2020 jam 09.00 am. di Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa Indonesia dengan Syamsul Munir, Ketua Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa mengenai kursus pra perkahwinan secara

---

<sup>50</sup> Rosinah Edinin (2011), *Penyelidikan Tindakan Kajian dan Penulisan*, Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd, h. 208-210.



keseluruhan baik untuk kedua-duanya. Kemudian, pada 21 September 2020 seterusnya dengan temu bual bersama Suryani, penyuluhan Agama Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa sebagai pelaksana dan juga penceramah pada bimbingan diri.

Tanggal 21 Februari 2020 jam 09.00 am, pengkaji telah menjalankan temu bual bersama Syakirin Mohd Khairusy, ketua Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia. Temu bual di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim ini hanya memerlukan 1 orang sumber atau *interviewer* sahaja kerana Syakirin Mohd Khairusy juga sebagai pelaksana dan penceramah kursus.

Temu bual ini berjalan selama kurang lebih 1 jam dengan soalan-soalan mengenai hukum mengikuti kursus, nama kursus pra perkahwinan yang terdapat di Indonesia dan Malaysia, kurikulum atau tajuk-tajuk perbincangan kursus, kaedah kursus, penceramah kursus, tempoh waktu kursus, peserta kursus, tempat kursus, yuran dan fasiliti kursus.

#### 1.12.4.2 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan teknik pengumpulan data yang lebih spesifik dari teknik yang lain. Pemerhatian bukan sahaja berkomunikasi dengan orang lain, tetapi juga dengan objek-objek yang dialaminya. Suatu kegiatan pemerhatian dalam pengumpulan data penelitian harus memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>51</sup>

<sup>51</sup> Rachmat Kriyantono, (2006). *Teknik Praktis Riset Komunikasi*, Jakarta: Kencana, h. 110.





- a. Pemerhatian digunakan dalam penyelidikan dan telah direncanakan secara sistematis
- b. Pemerhatian harus berkaitan dengan tujuan penyelidikan yang telah ditetapkan
- c. Pemerhatian yang dilakukan harus dicatat secara sistematis dan dijelaskan dengan perkataan yang sesuai dan bukan dipaparkan sebagai suatu yang hanya menarik perhatian
- d. Pemerhatian dapat diperiksa dan dikawal mengenai kesahan dan reabilitinya.

Dari segi proses pelaksanaan pengumpulan data, pemerhatian terbahagi kepada dua jenis, iaitu pemerhatian peserta (*participant observation*) dan pemerhatian bukan peserta (*non-participant observation*).<sup>52</sup>



#### a. **Pemerhatian Peserta**

Pemerhatian ini, penyelidik terlibat dengan kegiatan sehari-hari orang yang sedang diamati atau yang digunakan sebagai sumber data penelitian. Dengan pemerhatian peserta ini, maka data yang diperoleh akan lebih lengkap, tajam, dan sehingga mengetahui pada tingkat makna dari setiap perilaku yang dilihat.

---

<sup>52</sup> Sugiyono, (2017). *Metode Penelitian Pendidikan (Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D)*, Bandung: Alfabetam, h. 204.



## b. Pemerhatian Bukan Peserta

Pemerhatian bukan peserta bermaksud penyelidik tidak terlibat dan hanya sebagai pemerhati sahaja tanpa melibatkan diri sebagai peserta. Pengumpulan data dengan pemerhatian bukan peserta ini tidak akan mendapatkan data yang mendalam, dan tidak sampai pada tingkat makna.

Teknik pengumpulan data dengan pemerhatian digunakan apabila penelitian berkenaan dengan perilaku manusia, proses kerja, gejala-gejala alam dan apabila responden yang dinilai tidak terlalu besar.

Kajian penyelidik ini berkenaan dengan proses kerja atau aktiviti pelaksanaan kursus pra perkahwinan dan teknik pengumpulan data yang digunakan adalah pemerhatian peserta agar data yang diperoleh lebih lengkap.

Pengkaji melakukan pemerhatian hanya di Indonesia sahaja kerana kondisi COVID-19 yang terjadi hampir di seluruh negara termasuk negara Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, pengkaji yang sedang berada di Indonesia tidak dapat pergi ke Malaysia kerana peraturan daripada negara Malaysia sangat ketat dengan menguatkuaskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama bermula pada 1 April 2020 sehingga 14 April 2020 sehingga ada sekatan segala aktiviti di Malaysia merangkumi penutupan apangan terbang supaya warganegara lain tidak dapat mengunjungi Malaysia dalam tempoh pandemik ini.

Oleh itu, pengkaji mendapatkan data secara terperinci melalui temu bual secara maya dengan ketua Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia. Perkara yang masih belum jelas selepas temu bual luar talian pada 21 Februari 2020, akan dibincangkan semasa temu bual secara dalam talian seperti jadual kursus pra perkahwinan tahun 2020 di Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim, susunan acara kursus pra perkahwinan, dan lain-lain.

Pemerhatian yang dilakukan di Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa Indonesia sebanyak dua kali. Pertama, melakukan pemerhatian pada bimbingan secara berdepan dan yang kedua pada bimbingan mandiri.

Bimbingan secara berdepan di KUA Sumbawa, dijadualkan pada bulan Ogos 2020, kerana keadaan covid-19, jadual panduan pra perkahwinan secara bersempena telah berubah kepada bulan November 2020. Pemerhatian pada bimbingan tatap muka, penyelidik menggunakan pemerhatian peserta kerana aktiviti itu penyelidik terlibat menjadi *master of ceremony* (MC) dan juga moderator pada tajuk kesihatan pembiakan. Pemerhatian ini berlangsung pada 23 November 2020 jam 7.00 pagi sehingga jam 2.00 petang. Seterusnya bimbingan mandiri, penyelidik telah menjalankan pemerhatian bukan peserta yang dilaksanakan pada 21 September 2020 jam 2.00 petang.

#### 1.12.4.3 Dokumentasi

Robson menyatakan bahawa analisis dokumen biasanya dilakukan dalam penyelidikan kualitatif di mana maklumat yang terdapat di dalam dokumen dikumpul dan



diinterpretasikan untuk memberikan suara“ dan makna“ kepada topik yang dikaji.<sup>53</sup> Dokumen seperti minit mensyuarat, surat khabar, foto, video, kertas kerja, surat-surat dan dokumen yang berkaitan digunakan untuk menyokong dapatan kajian. Pelbagai bentuk kutipan data digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data bagi menjawab soalan kajian dalam kualitatif.<sup>54</sup>

Dalam kajian ini dokumen yang diperolehi adalah berdasarkan hukum pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia iaitu Peraturan Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Nomor DJ.II/542 tahun 2013 tentang Pedoman Penyelenggaraan Kursus Pra Perkahwinan, dasar hukum kursus pra perkahwinan di Malaysia iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Pra Perkahwinan Islam Berdasarkan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI), gambar temu bual bersama ketua dan pengajar agama di Kantor Urusan Agama (KUA) Kecamatan Sumbawa, gambar temu bual bersama ketua Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim Malaysia, audio temu bual, dan dokumen-dokumen kursus seperti senarai kehadiran peserta kursus, jadual kursus serta senarai acara kursus.

### 1.12.5 Prosedur Analisis Data

Setelah segala maklumat dapat dikumpul, pengkaji telah melakukan analisis data. Kaedah ini dibuat dengan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah deduktif, induktif dan

<sup>53</sup> Robson, C. (2011). *Real World Research*. 3rd edition. Chichester: Wiley. h. 32

<sup>54</sup> Rosinah Edinin. (2011), *Penyelidikan Tindakan Kajian dan Penulisan*, Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd, h.52.





perbandingan.<sup>55</sup> Menganalisis data merupakan suatu proses yang berterusan. Ianya bermula sebaik sahaja kutipan data pertama bermula. Dalam melakukan proses menganalisis data, penyelidik telah merancang dan mengurus data melalui tiga langkah iaitu; mengurus data, memahami data dan menganalisis data. Langkah ini adalah berdasarkan pendekatan sistematik Miles dan Huberman (1994) untuk menganalisis data kualitatif yang dikumpul menggunakan kaedah inkuiiri.

#### 1.12.5.1 Mengurus Data

Perancangan dan pengurusan dijalankan melalui beberapa fasa. Berikut akan dijelaskan secara terperinci fasa-fasa dalam proses pengurusan data tersebut. Langkah pertama

adalah proses penyaringan data iaitu langkah yang dimulakan dengan pengumpulan data kuantitatif dalam fasa pertama kajian dan membuat transkrip daripada rakaman atau temu bual bersama peserta kajian. Transkip adalah dalam bentuk teks atau dokumen yang dikumpul manakala data imej adalah gambar-gambar yang diambil atau dikumpul sepanjang kajian dilaksanakan. Proses penyalinan transkrip ini memerlukan perhatian yang penuh seseorang penyelidik dan mengambil masa yang lama.

<sup>55</sup> Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Sri Elila Resources. h. 101





### 1.12.5.2 Proses Memahami Data

Pada tahap ini penyelidik cuba memahami data yang telah dikumpul dan dikodkan.

Dalam proses memahami data, beberapa persoalan telah timbul dalam benak pemikiran penyelidik. Langkah yang akan digunakan oleh penyelidik dalam proses menganalisis data ialah membaca data primer beberapa kali untuk setiap perenggan, dan dalam masa yang sama minda penyelidik difokuskan kepada soalan-soalan kajian. Seterusnya, penyelidik meneliti dengan lebih teliti setiap maklumat berguna yang boleh dikaitkan dengan soalan-soalan kajian.

Setelah data dianalisis, penyelidik telah meminta para peserta untuk mengesahkan data yang telah dianalisa. Kaedah ini membantu penyelidik untuk membentuk data yang dapat dijadikan panduan dan mengukuhkan pemahaman penyelidik. Persetujuan peserta juga sangat penting bagi membolehkan data yang diperoleh daripada kajian ini digunakan bagi langkah berikutnya serta untuk tujuan laporan.

### 1.12.5.3 Menganalisis Data

Bahagian seterusnya adalah analisis data temu bual yang digunakan sebagai instrumen utama dalam kaedah kualitatif. Data yang diperoleh telah disimpan dalam bentuk rakaman radio yang kemudiannya ditranskripkan dalam bentuk perkataan demi perkataan.



Langkah kedua penyelidik membaca dan memerhati secara teliti tiap-tiap unit bagi mengenal pasti unit-unit yang boleh menggambarkan tema yang wujud. Langkah ketiga ialah proses menghasilkan tema. Langkah terakhir ialah membuat rumusan dan menulis laporan dapatan yang diperoleh.

Setelah segala maklumat dapat dikumpul, pengkaji telah melakukan analisis data. Kaedah ini dibuat dengan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah deduktif, induktif dan perbandingan.<sup>56</sup>

## I. Kaedah Deduktif

Kaedah ini merupakan cara menganalisa data berdasarkan pola pemikiran dengan mengambil data-data yang lebih umum untuk mencari kesimpulan terhadap dalil-dalil yang lebih khusus.<sup>57</sup>

Kaedah deduktif terpilih untuk memperkembang kajian yang telah dibuat. Kaedah ini penting kerana pengkaji menggunakan sebagai salah satu cara bagi membuat kesimpulan yang terperinci terhadap kajian. Dalam mengenal pasti bentuk kursus pra perkahwinan secara umum. Seterusnya, pengkhususan dibuat terhadap fokus kajian iaitu kursus pra perkahwinan menurut hukum Islam. Kaedah ini akan digunakan dalam bab 2.

<sup>56</sup> Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Sri Elila Resourch. h. 101.

<sup>57</sup> Ibid.



## II. Kaedah Induktif

Kaedah ini berasaskan kepada cara berfikir yang bermula dengan mendapatkan data-data yang bersifat khusus untuk merumuskan sesuatu kesimpulan yang bersifat umum atau generalisasi. Dalam pendekatan induktif, proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya berlaku secara generatif atau berterusan apabila maklumat dikumpul dan terus dikumpul sehingga terjelas masalah itu atau dirumuskan penyelesaiannya.<sup>58</sup>

Pengkaji akan meneliti data-data kursus pra perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Sumbawa dan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim untuk membuat kesimpulan dan rumusan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan



## III. Kaedah Perbandingan

Kaedah perbandingan ialah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data-data yang diperolehi. Perbandingan merupakan aktiviti utama dalam proses analisis data termasuklah membandingkan sumber data untuk menentukan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, membandingkan fakta untuk menentukan perkara ang sahih atau lebih sahih, membandingkan kaedah untuk mencari

---

<sup>58</sup> Idris Awang. (2009). *Op.Cit. h. 101*





kaedah yang paling tepat, membandingkan teori untuk menentukan teori yang paling sesuai dan membandingkan pendapat untuk mencari pendapat yang paling berasas.<sup>59</sup>

Melalui kaedah ini, pengkaji membandingkan fakta tentang kursus pra perkahwinan di Negara Indonesia dan Negara Malaysia. Kaedah ini akan digunakan dalam bab 4.

### 1.13 Rumusan

Bab 1 ini telah dibincangkan secara terperinci tentang keseluruhan kajian ini. Pendedahan secara terperinci berkaitan dengan pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, definisi istilah atau operasional kajian batasan kajian, kepentingan kajian, dan metodologi penyelidikan. Kesemua yang telah dibincangkan dalam bab ini merupakan gambaran kepada keseluruhan aspek yang akan diberikan tumpuan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Bab 2 merupakan teori dari kursus pra perkahwinan meliputi definisi kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia serta kursus pra perkahwinan menurut hukum Islam.

---

<sup>59</sup> Ibid.





Bab 3 iaitu pelaksanaan kursus pra perkahwinan di Indonesia dan Malaysia meliputi hukum mengikuti kursus pra perkahwinan bagi calon pengantin, pelaksanaan kursus pra perkahwinan, serta kurikulum kursus pra perkahwinan.

Bab 4 iaitu analisis perbandingan. Dalam bab ini melihat perbezaan dan persamaan dari pelaksanaan kursus pra perkahwinan di negara Indonesia dan Malaysia.

Bab 5 iaitu penutup yang mengandungi kesimpulan dan cadangan-cadangan yang disarankan oleh pengkaji.

